

DR. MARZIAH WAKILI MALAYSIA DALAM BENGKEL BIOTEKNOLOGI



Para peserta menyertai formulasi projek di Central Institute of Medicinal and Aromatic Plant Lucknow.

Prof. Dr. Marziah Mahmood dari Jabatan Biokimia dan Mikrobiologi, Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, UPM telah dilantik oleh Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar untuk mewakili Malaysia menyertai bengkel mengimplementasi program kerjasama bidang Bioteknologi Antara Negara Asean dan India pada 25 – 30 Jun 2001 di New Delhi, India.

Bengkel berkenaan diadakan di Institut ternama iaitu Tata Energy Research Institute (TERI). Projek yang diimplementasi ialah "Plant Biotechnology for Crop Improvement and Better Utilization of Natural Resources".

Tajuk subprojek yang telah dikenalpasti oleh Malaysia dalam dokumen bersama yang disediakan tiga tahun dahulu ialah "In vitro secondary metabolite production, conservation and molecular characterisation of some medicinal plants".

Negara yang turut terlibat dalam subprojek ini ialah Filipina dan Thailand. Kerjasama dalam

projek ini ialah dengan sebuah institut terkenal di India iaitu Central Institute of Medicinal and aromatic plants, Lucknow.

Selain menyediakan satu cadangan kepentingan bersama beberapa lawatan ke institut penting yang terdapat di India telah diatur. Negara terlibat telah bersetuju untuk memberi fokus kepada kajian antioksidan dalam beberapa spesie.

Pemilihan spesies tumbuhan ini berasaskan kewujudan biodiversiti di keempat-empat negara, keperluan pasaran, kajian asas sudah ada dijalankan. Antara objektif kajian yang dipersetujui ialah:

- mengumpul, dokumentasi, mencari, membuat inventori dan perbankan tisu/DNA
- meningkatkan penghasilan kandungan antioksidan dalam spesie tumbuhan melalui teknik manipulasi *in vitro*.
- meningkatkan proses 'downstream'
- spesie tumbuhan utama yang menjadi ka-

ajian bersama iaitu oleh Thailand, Filipina dan Malaysia ialah *Centella*, *Morinda*, *Zingiber* dan Orkid yang digunakan untuk ubatan.. India akan juga memberi fokus kepada spesie *Artemisia*, dan *Panax*

Aktiviti-aktiviti lain yang akan dijalankan selama tiga tahun akan datang ialah lawatan saintifik, bengkel pemantauan kemajuan projek yang akan diadakan di Bangkok, Thailand pada tahun 2002.

Semasa di India Prof. Marziah di bawa berpelaug melawat institut penyelidikan bioteknologi termasuk National Bureau of Plant Genetic Resources salah satu agensi bank DNA/tisu yang terbesar di dunia.

Beliau juga telah melawat Indian Agricultural Institute dan University Delhi South Campus dimana aktiviti kajian bioteknologi pertanian dijalankan. Kedua institut ini memang terkenal dan diiktiraf sebagai antara institut termaju antarabangsa.

Sebahagian daripada para peserta menyertai bengkel mengimplementasi projek yang diadakan sepanjang program berlangsung.

